

14 APR 1997

Sanusi-BPR

EXCO BERSIH TIDAK PERLU BIMBANG DISIASAT BPR, KATA SANUSI

ALOR SETAR, 14 April (Bernama) -- Menteri Besar Kedah Datuk Seri Sanusi Junid hari ini berkata anggota Exco yang bersih tidak perlu takut jika mereka dipanggil untuk memberi keterangan dalam siasatan Badan Pencegah Rasuah (BPR).

"Saya rasa mereka perlu bekerjasama dengan BPR dalam siasatannya ... yang tidak bersalah tidak perlu bimbang," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri, di Wisma Darul Aman, di sini.

Beliau diminta mengulas mengenai laporan baru-baru ini bahawa lapan anggota Exco beberapa negeri, termasuk seorang dari Kedah, sedang disiasat BPR.

Sanusi berkata beliau berpendapat tindakan BPR itu adalah baik dan merasakan bahawa badan penyiasat itu perlu diberi kebebasan untuk menyiasat sesiapa sahaja yang dirasakan perlu.

Ketika ditanya sama ada beliau mengetahui siapa Exco negeri yang terbabit, beliau berkata bahawa BPR tidak memaklumkan identiti anggota itu.

"Saya tidak diberitahu dan saya juga tidak mahu ambil tahu. Saya mengetahui mengenainya setelah membaca laporan akhbar ... saya berada di London ketika itu," katanya.

Sanusi berkata BPR tidak perlu mendapat kelulusan kerajaan negeri untuk menjalan siasatan terhadap seorang anggota Exco tetapi jika badan itu meminta penjelasan maka kerajaan negeri akan menjawab pertanyaannya.

Mengenai desakan pihak tertentu, khususnya pembangkang supaya semua anggota Exco yang terlibat dalam siasatan itu meletakkan jawatan, beliau berkata: "Pembangkang sebenarnya mahu keseluruhan kerajaan turun. Mereka mahu memerintah tanpa bertanding."

Sanusi turut diminta pandangan mengenai rasional keputusan Tan Sri Muhammad Haji Muhamad Taib meletakkan jawatan Menteri Besar Selangor yang berkuatkuasa hari ini bagi menjaga imej Umno dan kerajaan ketika beliau menghadapi tuduhan di mahkamah Australia.

Katanya: "Keputusan Muhammad untuk meletakkan jawatan adalah baik untuk parti. Saya pasti mereka (Muhammad dan Majlis Tertinggi Umno) telah menimbang keputusan itu dengan mendalam."

Peletakan jawatan Muhammad, 51, yang menghadapi dua tuduhan berhubung cubaan membawa keluar wang tunai bernilai RM2.4 juta dari Australia, diumumkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi Umno di Kuala Lumpur Sabtu lepas.

Mengenai barisan Exco kerajaan negeri sekarang, Sanusi berkata beliau mungkin melakukan sedikit rombakan dari tugas portfolio mereka Jun ini.

"Mungkin akan ada sedikit perubahan dalam aktiviti masing-masing ... yang menanggung beban yang berat akan dikurangkan manakala yang kurang tugas akan ditambah," katanya.

Ketika mengumumkan barisan Exco sebaik sahaja mengambil alih pentadbiran kerajaan negeri Jun tahun lepas, Sanusi berkata 10 anggota Exco yang dilantik itu akan dinilai dari segi prestasi sepanjang setahun sehingga Jun ini dan yang tidak cekap mungkin digugurkan.

Ketika ditanya sama ada beliau akan menggantikan keanggotaan Exco nanti, Sanusi berkata beliau belum memikirkan perkara itu.

Apabila ditanya sama ada beliau berpuas hati dengan prestasi barisan Exco sekarang, beliau menjawab, "Saya belum berpuas hati dengan prestasi

saya sendiri, bagaimana pula saya dapat berpuas hati dengan prestasi orang lain."

-- BERNAMA

MFJ AHH